***SOALAN NO : 17***

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON** |
| **KAWASAN** | : | **TEBRAU** |
| **TARIKH** | : | **30 OKTOBER 2019 (RABU)** |

**SOALAN :**

**YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah jalan raya yang rosak secara kritikal di dalam daerah Johor Bahru dan bilakah kerja naik taraf akan dilaksanakan khususnya mulai susur jalan Lebuh Raya Pasir Gudang keluar ke Lebuh Raya Utara-Selatan hingga keluar-masuk Jalan Skudai .

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah panjang jalan Persekutuan yang disenggarakan di dalam Daerah Johor Bahru adalah **300.01km**. Laluan-laluan ini terdiri daripada Jalan Johor Bahru – Seremban (FT001) **46.24km**, Jalan Johor Bahru – Kota Tinggi (FT003) **37.15km**, Jalan Johor Bahru – Melaka (FT005) **17.1km**, Lebuhraya Pasir Gudang (FT017) **61.485km**, Lebuhraya Sultan Iskandar (FT052) **45.9km**, Jalan Permas – Pasir Gudang (FT035) **12.625km**, Jalan Pelabuhan Tanjung Pelepas (FT177) **8.8km**, Jalan Cabang (FT178) **2.73km**, Jalan Lingkaran Dalam (FT188) **7.339km**, Jalan Felda Ulu Tebrau (FT1374) 2**0.58km**, Jalan Felda Cahaya Baru (FT1375) **18.06km**, Jalan Industri Tampoi (FT3374) **13.4km** dan Lebuhraya Eastern Dispersal Link (EDL) **8.6km**.

Berdasarkan semakan Kementerian ini, terdapat **17 lokasi** jalan yang memerlukan pembaikan dalam Daerah Johor Bahru yang melibatkan jumlah panjang jalan **26.6km** dengan anggaran kos pembaikan yang diperlukan adalah sebanyak **RM8.75 juta**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi penyenggaraan Jalan Persekutuan di **Daerah Johor Bahru**, sehingga **Ogos 2019** sebanyak **RM9.88 juta** peruntukan telah diluluskan bagi kerja-kerja penyenggaraan berkala pavemen dan bukan pavemen. Bagi membaikpulih jalan-jalan dalam status kritikal, Kementerian Kerja Raya menyediakan program penyenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan (*Notice of Defects / NOD*) yang disediakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan jalan persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyenggaraan turapan ini mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi kelulusan peruntukan. Pelaksanaan program penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang FT17 terbahagi kepada 4 Fasa. Fasa 1 bermula dari Persimpangan Kangkar Tebrau sehingga ke Persimpangan Plentong melibatkan jajaran sepanjang 8 km dan telah siap pada 31 Disember 2015. Manakala Fasa 2A bermula dari Persimpangan Plentong dan berakhir di Persimpangan Bandar Seri Alam / Taman Rinting melibatkan jajaran sepanjang 7.7km telah siap pada 31 Oktober 2018.

Bagi Fasa 2B iaitu cadangan untuk menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang (FT17) daripada empat (4) lorong kepada enam (6) Lorong, dari Persimpangan Bandar Seri Alam / Taman Rinting Ke Pasir Gudang, Kementerian ini telah mengangkat permohonan tersebut dalam *Rolling Plan 4* Tahun 2020, RMKe-11 tertakluk kepada kelulusan dari pihak Agensi Pusat. Manakala Fasa 3 yang bermula dari Persimpangan Kangkar Tebrau (jalan susur dari Lebuh Raya Pasir Gudang keluar ke Lebuh Raya Utara-Selatan) sehingga ke Persimpangan Perling masih dalam peringkat perancangan. Namun pelaksanaan Fasa 3 ini tertakluk kepada perancangan ***Highway Network Development Plan*** **(HNDP)** dan kajian trafik yang terperinci.

Sekian, terima kasih.